

MAJALAH
Melayu.com
PERCUMA MOHON SEBARKAN



PROJEK BARTER

**Anda mempunyai barang lama
yang ingin disedekahkan atau barter?**

Hantarkan menerusi projek barter melayu.com



PROJEK
MELAYU.COM
DILANCARKAN PADA
4 JULAI 2020

Menarik Bulan Ini

APA AZAM ANDA?
Sertai survey
di dalam

KARYA PILIHAN
Lebih 20 karya

19 PROJEK | 2020-2029 | RM 1 TRILLION | GLOBAL | TERBUKA | JARIAH



ISI KANDUNGAN

Objektif	02	Sembang	49
Temubual bersama Selemann	05	Sembang Gamers bersama En. Muzammil	51
Bisnes	07	Islam	53
Fungsi Bisnes	09	Projek Kuliah	55
Direktori Bisnes	13	Sedekah	57
Karya	17	System Barter	60
Resipi Mee Rebus Johor	43	Maklumbalas pengguna	65

TERBARU BULAN INI

UMUM

- Ahli kini boleh menggunakan avatar di profail masing-masing
- Laman utama kini memaparkan kandungan terkini daripada setiap projek
- Pembukaan Shopee di shopee.com.my/melayu-.com
- Tshirt Melayu.com “Signature” telah siap dan boleh dibeli
- Pelbagai bug fixes dan penambahbaikan antara muka
- Perjumpaan Zoom
- Sukarelawan
- Pelancaran Projek Sedekah - Barter

MAJALAH

- Majalah Melayu.com kini mengikut format majalah dan bukan “power point”
- Beberapa temuduga telah dibuat dan dimasukkan ke dalam edisi ini
- Beberapa bisnes telah bersetuju mengiklankan perniagaan mereka
- Majalah kini menyenaraikan Direktori Bisnes
- Majalah kini menyenaraikan Karya Pilihan

BISNES

- Ahli boleh mendaftarkan bisnes orang lain (Sukarelawan)
- Pemilik bisnes boleh menuntut Bisnes yang didaftarkan oleh Sukarelawan
- Pemilik bisnes boleh mengiklankan kerja kosong secara percuma
- Kedai
- Service Directori
- Video Usahawan

KARYA

- Pertandingan Karya bulan Oktober - Disember
- Kategori karya baru yang boleh dibuat secara bersiri iaitu Novel, Cerpen, Komik, Fotografi, Lukisan & Ilustrasi dan Ulasan Buku
- Penghantaran Karya oleh “Ahli Dipercayai” (level 3) dan ke atas tidak perlu kelulusan Moderator
- Komen bagi setiap Karya akan dipaparkan di Sembang Karya & Hiburan
- Jual
- Videografi
- Pertandingan Okt - Dis

SEMBANG

- Sembang terkini dipaparkan di halaman utama
- Topik terkini dipaparkan di halaman utama Sembang
- Penghantaran topik oleh “Ahli Dipercayai” (level 3) dan ke atas tidak perlu kelulusan Moderator

ISLAM

- Pelancaran projek Islam dengan fungsi Kuliah
- Wakil Masjid dan Surau boleh menghantar jadual kuliah (Kuliah)
- Masjid At-Taqwa, Kg. Paya Lebar
- Surau Ar-Raudhan, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi.

SEDEKAH

- Pelancaran Projek Barter

OBJEKTIF

MELAYU.COM ialah satu projek¹ untuk meningkatkan taraf kehidupan Bangsa Melayu² dengan menggunakan Teknologi Maklumat³ secara strategik dan bersepada⁴

1. Projek ini dibangunkan bukan sahaja untuk interaksi secara online malah secara offline menerusi penglibatan komuniti, pelaksanaan program dan aktiviti.
2. Peningkatan taraf kehidupan sebagai individu, kumpulan sasar dan bangsa daripada pelbagai aspek termasuklah Ilmu pengetahuan, agama Islam, kewangan, perniagaan dan sikap.
3. Melayu.com akan dibangunkan sebagai “Super App” dan akan dimajukan secara berterusan menggunakan teknologi seperti AI, Big Data, AR/VR dan Blockchain.
4. Pelbagai sasaran yang ditetapkan akan dicapai menerusi usaha bersama dan maklumbalas daripada pengguna Melayu.com.

INFO



19 PROJEK 11/2020



SUPER APP MELAYU.COM

- BUSINESS • CULTURE • COMMUNICATION • HEALTH • SMART LEGAL
- INFORMATION MANAGEMENT • SOFTWARE • WEB • ENTREPRENEURSHIP
- SEARCH • COMMUNITY • HELP • JOB • DIRECTORY • SOCIAL MEDIA
- PERSONALIZATION • OPEN SOURCE • HISTORY • PERSONAL SUCCESS
- ROBOTICS • FINANCIAL SUCCESS • COLLABORATION • CHARITY
- KNOWLEDGE MANAGEMENT • ARTIFICIAL INTELLIGENCE • MEDIA SHARING
- MOBILE APP • SERVICES • CONTENT MONETIZATION • MARKETING
- FOOD SECURITY • MENTORING • POLITICS & POWER • MARKETPLACE
- PAYMENT • ASSET ACCUMULATION • CROWDSOURCING • PLATFORM
- GAMES • CREATIVE CONTENT • EMBEDDED TECH
- WOMAN EMPOWERMENT • E-COMMERCE • AND MORE...



Melayu.com

AKAN DATANG PROJEK

AZAM

KONGSI DAN CAPAI AZAM
ANDA DI MELAYU.COM



Sila beri maklumbalas dan komen
anda menerusi soal selidik

melayu.com/survey/azam

TEMUBUAL BERSAMA

Apakah itu projek Azam?

Projek Azam bertujuan untuk membantu orang Melayu mencapai azam atau cita-cita masing-masing. Azam merujuk kepada sesuatu yang ingin dicapai seperti meningkatkan pendapatan, mengurangkan hutang, menurunkan berat badan, membuat lebih banyak aktiviti bersukan dan meningkatkan ilmu pengetahuan.

Menerusi projek ini, beberapa teknik, fungsi dan bantuan akan dilaksanakan bagi membolehkan azam kita berjaya dicapai. Ini kerana biasa kita dengar azam dibuat pada awal tahun baru, tetapi setelah beberapa bulan azam tersebut dilupakan atau diabaikan terus.

Jadi menerusi projek ini, kita harap kita semua dapat mencapai azam masing-masing demi taraf kehidupan yang lebih baik.

Kenapa pentingnya Azam?

Manusia yang hidupnya tanpa azam atau tujuan biasanya hanya mampu mencapai pencapaian yang biasa-biasa. Mereka ini membiarkan kehidupan mereka ditentukan oleh orang lain dan tiada sebarang perubahan ketara atau yang boleh dibanggakan.

Contohnya ramai yang saban tahun pergi dan balik bekerja setiap hari sedangkan pendapatan tidak meningkat jauh dan kehidupan masih di tahap sama. Mereka ini seolah-olah “sleep walking” dalam kehidupan sehingga akhir hayatnya. Sekiranya kita melakukan perkara yang sama, jangan harap kita mendapat hasil yang berbeza.

Sebaliknya mereka yang mempunyai azam dan impian yang jelas akan berusaha bersungguh-sungguh demi mencapai apa yang diinginkan. Kegagalan mengenalpasti azam menyebabkan tiada sebarang usaha akan dibuat. Oleh itu, untuk berjaya, kita mesti bermula dengan menetapkan azam dan seterusnya berusaha sehingga berjaya.

Azam juga perlu ditetapkan dengan jelas. Contohnya sekiranya kita ingin jadi kaya tapi tiada azam yang jelas menyebabkan kita takkan menjadi kaya sampai bila-bila. Oleh itu kita kena menetapkan azam dengan lebih jelas (contohnya menggandakan gaji tahunan dalam masa 12 bulan) supaya ianya mudah diusahakan dan dicapai.

Menerusi projek Azam, kita mesti menetapkan azam yang ingin kita capai dan bila tarikh sasaran.

Kenapa pula Azam dibuat di Melayu.com? Bukan masing-masing ada azam sendiri?

Memang betul ada orang yang berazam setiap tahun tetapi ramai yang gagal mencapainya atau meninggalkan azam setelah beberapa ketika. Apabila kita buat di Melayu.com, azam yang kita buat adalah secara berjemaah, iaitu kita pun boleh tahu bahawa ada juga orang lain yang berazam sama dengan kita.

Jadi ini membolehkan kita berusaha bersama-sama dan berganding bahu berbanding dengan berusaha mencapai azam secara berseorangan. Kadang-kadang apa yang kita perlukan ialah suntikan semangat dan rakan juang dalam mencapai satu-satu azam.

Menerusi projek Azam, kita boleh mengetahui ada orang lain yang mempunyai azam yang sama. Contohnya: Terdapat 452 orang lain yang mempunyai azam yang sama dengan anda, iaitu “Menggandakan gaji tahunan dalam masa 12 bulan”.

SELEMANN (SIRI 3)

Apa cara lebih mudah nak capai azam?

Antara cara paling mudah nak mencapai azam ialah dengan mengikuti orang yang pernah berjaya mencapai azam tersebut. Contohnya kalau kita nak berazam mendaki Gunung Kinabalu, lagi senang untuk berjaya mencapai puncak jika kita ikut ‘guide’ yang sudah banyak kali berjaya mendaki. Sama juga jika kita berazam untuk menjana pendapatan sampingan setiap bulan, kita ikut mereka yang telah berjaya. Pada saya teknik ini jauh lebih berkesan berbanding dengan kita hendak mencipta atau mencari jalan baru yang kita tidak pasti kejayaannya.

Jadi menerusi projek Azam, kita akan senaraikan mereka yang ingin menjadi contoh atau panduan. Kita galakkan mereka yang telah berjaya untuk berkongsi usaha, kaedah dan kata-kata semangat. Mereka juga boleh memasarkan produk atau perkhidmatan yang berkaitan. Sebagai contoh, untuk azam “Mengurangkan berat badan sebanyak 5kg dalam sebulan”, jika ada mana-mana jurulatih senaman yang boleh membantu, kita jemput untuk berdaftar. Atau mereka yang ada memasarkan produk kesihatan, sila senaraikan.

Kenapa Azam selalu gagal?

Pada pendapat saya, azam itu sukar dicapai sekiranya kita rasa terpaksa. Sebagai contoh, saya pernah berazam untuk lari 10km pada tahun-tahun dulu (azam tahun baru). Jadi dalam bulan Januari dan Februari, setiap minggu saya berlari hampir 2km setiap Isnin, Rabu dan Jumaat. Lama-lama rasa penat sebab asyik tak tercapai-capai 10km. Masuk sahaja bulan ramadhan, terus berhenti sampailah sekarang. Saya rasa terpaksa berlari dan tiada motivasi sebab masih lagi gagal untuk mencapai 10km.

Jadi untuk mencapai azam, pada saya kita kena jadikannya sebagai habit (tabiat atau rutin). Lupakan pasal 10km, sebaliknya jadikan habit untuk berlari 1km setiap hari. Jadi setiap kali balik dari ofis, saya akan berlari 1km. Buat setiap hari sampai larian ni menjadi satu rutin harian. Buat sehingga kita rasa jadi automatik untuk berlari dan perlahan-lahan tingkatkan jarak larian.

Satu contoh lain, ramai antara kita yang kurang minum air. Jadi apa kita boleh buat, kita isi air di dalam botol dan letak di tepi katil. Jadikan habit iaitu setiap kali bangun tidur, kita minum air sebotol. Bila ianya menjadi satu habit, kita akan buat secara automatik tanpa ada rasa terpaksa.

Menerusi projek Azam ini, kita akan bangunkan satu fungsi untuk membolehkan kita mewujudkan tabiat (habit forming).

Apa hasrat projek Azam ini?

Apa yang cuba dibuat oleh Melayu.com ialah menetapkan azam bukan sahaja azam individu, tetapi azam satu bangsa Melayu. Bayangkan jika kita satu bangsa berazam dan berusaha bersungguh-sungguh mencapai azam tersebut, ia boleh dipanggil satu keajaiban. When a nation transforms, miracle happens.

**‘Fikiran anda menentukan tindakan anda.
Tindakan anda menentukan tabiat anda.
Tabiat anda menentukan kehidupan anda.’**

-hypnosis-diri-

BISNES

MEMBANTU
PERNIAGAAN
BANGSA MELAYU

INTRO BISNES

Projek Bisnes merupakan projek pertama di Melayu.com bertujuan untuk membantu perniagaan Bangsa Melayu dalam pelbagai segi termasuklah ilmu bisnes, peningkatan jualan, pengurusan kewangan, nasihat mentor dan mengembangkan perniagaan. Projek ini menyasarkan perniagaan yang berdaftar dan juga tidak berdaftar seperti gerai, sambilan, dropship, agen dan sebagainya.


Sasaran projek ini ialah mewujudkan usahawan berjaya daripada pelbagai industri. Kita juga mahu meningkatkan budaya bantu-membantu, perkongsian ilmu dan mewujudkan rangkaian perniagaan yang kuat. Perniagaan orang Melayu boleh jauh lebih maju sekiranya kita berusaha dengan bersungguh-sungguh, bijak dan bermuafakat.

SASARAN



ROADMAP

- | | |
|-------------------------|----------------------|
| ✓ DIREKTORI
7/2020 | ✓ KEDAI
11/2020 |
| ✓ FEED
7/2020 | ✓ AZAM
1/2021 |
| ✓ CARI
7/2020 | ✓ KEWANGAN
4/2021 |
| ✓ SUKARELAWAN
8/2020 | ✓ MENTOR
6/2021 |
| ✓ PESAN
8/2020 | ✓ PADAN
9/2021 |
| ✓ KERJA
9/2020 | ✓ HARTA
1/2022 |



FUNGSI BISNES


Post Oleh
Pemilik Bisnes

Cari Produk &
Perkhidmatan

Bisnes Anda

Membantu Daftar
Bisnes Orang Lain

Daftar Bisnes



DIREKTORI

Langkah pertama projek Bisnes ialah mewujudkan Direktori Bisnes bangsa Melayu. Semua perniagaan orang Melayu dipelawa untuk mendaftar di direktori ini.

Direktori ini penting supaya bukan sahaja untuk tujuan carian, pengiklanan dan menjalin kerja sama, tetapi pemilik bisnes boleh menggunakan fungsi lain yang akan dibangunkan nanti. Sebagai contoh, fungsi Azam Bisnes, Pengurusan Kewangan, Kedai dan Pemilikan Harta apabila siap dibangunkan nanti boleh dimanfaatkan oleh Bisnes yang berdaftar.

- Daftar Bisnes anda secara percuma
- Daftarkan Produk dan Perkhidmatan anda secara percuma

*Pendaftaran Bisnes adalah tertakluk kepada terma dan syarat Melayu.com.

CARI

Fungsi Cari membolehkan carian ringkas seperti “kedai makan di Bangi”. Manakala fungsi carian canggih akan dibangunkan supaya kita boleh membantu Bisnes yang memerlukan.

Sebagai contoh:

- Cari “kedai makan yang asyik rugi sejak 3 bulan lalu”
- Cari “pekebun nenas md2 yang mempunyai lambakan nenas tidak terjual”
- Cari “peniaga asnaf LZS yang baru bermula dan jualan masih sangat sedikit”
- Cari “ibu tunggal yang menjual kuih secara sambilan di Bangi”


Adalah diharapkan, fungsi Cari ini dapat membantu bisnes Melayu supaya lebih berkembang dan berjaya.



FEED

Pemilik bisnes boleh menghantar post / iklan yang akan dipaparkan di ruangan Feed. Iklan, promosi, pengumuman pembukaan kedai dan peluang perniagaan boleh dihantar di ruangan ini.

> Pemilik bisnes boleh menghantar Post bagi bisnes anda (percuma)



SUKARELAWAN

Memulakan dan memiliki bisnes bukannya satu perkara yang mudah. Oleh itu, Melayu.com ingin memupuk semangat bantu-membantu. Individu, persatuan, NGO dan organisasi lain dipelawa mendaftarkan bisnes orang lain secara sukarelawan.

Masih ramai lagi pemilik bisnes yang kurang arif tentang Internet dan Digital Marketing. Sebagai contoh, gerai nasi lemak dan kuih-kuih di tepi jalan biasanya tidak wujud di dalam Internet.

Kebiasaannya kita bantu mereka dengan membeli barang mereka, tetapi jika kita mendaftarkan bisnes mereka di Melayu.com, lebih ramai lagi orang akan tahu.

> Sebagai Sukarelawan, anda daftarkan Bisnes orang lain atas semangat bantu-membantu

The screenshot shows the 'Daftar Bisnes' (Register Business) page. It includes fields for 'Adeakah ini bisnes anda?' (Yes/No), 'Nama Bisnes / Syarikat / Individu', 'Keterangan / Slogan', 'Alamat Kedai / Premis (jika ada)', 'Negara' (Malaysia/Sila Pilih), and a note about the business being listed in the National Register. A blue 'Daftar' (Register) button is visible in the bottom right corner.

PESAN

Bagi Bisnes yang tiada website / shopee / lazada / ecommerce, banyak yang menerima pesanan secara Whatsapp atau PM tepi. Fungsi Pesan membolehkan pemilik bisnes mencipta borang pesanan dan URL borang pesanan ini diberi kepada pelanggan.

Seterusnya butiran pesanan akan disimpan dan ini memudahkan daripada segi pengurusan pembelian dan penghantaran tersebut. Maklumat pembelian ini juga akan berguna nanti untuk fungsi yang bakal dibangunkan iaitu Azam dan Pengurusan Kewangan.

- Pemilik bisnes boleh mencipta borang Pesan (percuma)

Posts
Post ini akan dipaparkan di halaman Feed

Hantar Post untuk iklan, pengumuman atau tawaran jualan. Post boleh ditag dengan Produk.

Tambah Posts

Pesan
Cipta dan share borang pesanan untuk mudah menjual.

Hantar Pesan untuk memudahkan jualan produk.

Tambah Pesan

KERJA

Fungsi Kerja membantu pemilik bisnes mengiklankan kerja kosong. Kerja juga membantu pengguna mencari kerja kosong yang bersesuaian dengan kelayakan masing-masing.

4. Borang Pesanan Dev Syd Inc.
0

5. Borang Pesanan Dev Syd Inc.
0

Tambah Pesan

Kerja
Posting kerja untuk bisnes anda.

Pegawai Sumber Manusia

Tambah Kerja

Feed Cari My Bisnes Lagi

My Bisnes > Dev Syd Inc.

Daftar Kerja

Maklumat Kerja

Nama Jawatan

Keterangan Jawatan

Kelayakan Jawatan

Jenis Kerja


DIREKTORI BISNES



1. MUSAFIR SENI
Lukisan Mural/ Lukisan Kanvas
IG: @musafirseni_
Website
https://www.instagram.com/musafirseni_/



2. Melayu.com.
T-shirt Exclusive Melayu.com
0143376763



3. Like Chikang Premium
#likechikang
#likechikangpremium
#likechikangKL
Kuala Lumpur, Federal Territory of
Kuala Lumpur, Malaysia



4. Kosmetik , Kecantikan, Kesihatan
Produk mesra wuduk Nurraysa
0132659337
IG: @mawarmk
FB: @Mawarlah.mk



DECIDE ON YOUR OWN CHOCO JAR CRISPY WITH TOPING


FLAVOR

- CHOCO
- STRAWBERRY
- WHITE CHOCO

**RM 10
Only**



Contact us:
ws : 011-5184 5861
ig : choco_taiping



CHOCO CRISPY

5. Susu Kambing Segar Bangi
NARIN Susu Kambing
0139850225
FB/IG: @susukambingsegarbangi

6. Dyna Abdullah
Keterangan: Nothing can make you happier with delicious choco jar crispy and nice clothes for ootd
No Tel: 01151845861
FB: @chocotaiping
IG: @choco_taiping

6. Dapur Che' Teh
Sedap Terangkat
0139840225
FB: @DapurCheTeh
IG: @dapurcheteh

7. Knitwear bundle
Keterangan: Knitwear bundle ✅
No Tel: 01151845861
Website: <https://shopee.com.my/deenagadget?smtt=0.0.9>

DIREKTORI BISNES



8. Firdaus Zulkram Resources

Keterangan: Membeli dan Menjual Emas

No Tel: 0132989193


FB/IG: @emasfzrawang

9. HANI PRELOVE

Original Zara Brand

No Tel: 0129780156

FB: @Haniazman



10. HANI PRELOVE

Corduroy Shirt

No Tel: 0129780156

FB: @Haniazman

11. DeejayKahwin Dot Com

Keterangan: Perkhidmatan sewaan pa system, karaoke, deejay, emcee dan pengurusan majlis untuk sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.

No Tel: 01162099363

FB: @djkahwinpasystem

IG: @pasystemkaraoke



12. Chess Coaching

Keterangan: Mendidik anak-anak bermain catur
No Tel: 0166981802

DECIDE ON YOUR OWN
CHOCO JAR CRISPY
WITH TOPING


FLAVOR

- CHOCO
- STRAWBERRY
- WHITE CHOCO

**RM 10
Only**



Contact us:
ws : 011-5184 5861
ig : choco_taiping



CHOCO CRISPY

13. Dyna Abdullah

Keterangan: Nothing can make you happier with delicious choco jar crispy and nice clothes for ootd
No Tel: 01151845861
FB: @chocotaiping
IG: @choco_taiping



14. Markethink+

Digital Marketing Expert
0167471713
<https://markethinkplus.com>
FB: @markethinkplusmy
IG: @markethinkplus_

Jom sertai
Melayu.com
Daftar Bisnes Anda
Secara Percuma!

KARYA

MENGHIMPUN KARYA
MELAYU DAN MENJANA
EKONOMI KREATIF

INTRO KARYA

Projek Karya bertujuan meningkatkan taraf Bahasa Melayu dengan menghimpun karya dan menjana ekonomi kreatif. Disamping karya berbentuk sastera seperti sajak, pantun, novel dan cerpen, projek Karya juga ingin memajukan karya kreatif seperti komik, fotografi, lukisan, ilustrasi dan videografi.

Projek ini juga berhasrat untuk menjana pendapatan menerusi karya seperti penjualan novel mengikut bab dan fungsi langganan bulanan. Pelbagai fungsi lain yang mengembangkan penggunaan Bahasa Melayu akan dibangunkan seperti kamus dan games.

SASARAN




ROADMAP

- | AKTIVITI | TARikh |
|--------------|---------|
| HANTAR | 8/2020 |
| CARI | 8/2020 |
| PERTANDINGAN | 9/2020 |
| SOSIAL | 9/2020 |
| JUAL | 12/2020 |
| IKLAN | 12/2020 |
| LANGGAN | 1/2021 |
| KOMUNITI | 6/2021 |



TAJUK: Nasi Ayam Laut Sepinggan
USER: Hanis



Habis sudah aii 'makan' Nasi Ayam Laut Sepinggan ni...memang sedap 'hidangan' ni...dalam sebuah buku ni saja, ada 10 cerpen, 10 sajak dan 3 kajian sastera...dan apa yang paling 'sedap' semestinya pada bahagian cerpen dan kajian sasteranya...patut la 'lauk-pauk' ni berjaya merangkul anugerah Hadiah Sastera Kumpulan Utusan bagi tahun 2001, sbb karya-karya diorang memang segar, maju, berseni dan tinggi mutunya seperti yang diperikan pada bahagian sinopsis belakang buku.

Cerpen-cerpen yang ada dan best pada saya

- 1)Pada Suatu Ketika di Ujung Madini II (Mohd Hamin Mastor)
- 2)Topeng (Saifullizan Yahaya)
- 3)Penghujung (Tiras R)
- 4)Srikandi Tanah Merdeka (Hashim Latiff)
- 5)Bisa Sondak Pari (Zainal Rashid Ahmad)
- 6)Potret Ramadan (Hashim Latiff)
- 7)Kembali ke Perut (Samsiah Mohd Nor)
- 8)Dues ex Machina (Aziz Jahpin)
- 9)Sang Politikus (Johan Jaffar)
- 10)Paya (Wan Ahmad Ismail)

Sajak-sajak pula

- 1)Nasi Ayam Laut Sepinggan (J.M. Aziz)
- 2)Kebaikan yang Ranap (Arbak Othman)
- 3)Pasar Perasaan (T. Alias Taib)
- 4)Juadah Keagungan (Abdullah Shuib)
- 5)Lidah yang Tergigit (Abdul Razak Othman)
- 6)Luka yang Lapar (Ria Asmira)
- 7)Sesekali dalam Sajak (Nawawee Mohammad)
- 8)Sejarah (Saifullizan Yahaya)
- 9)Asmara ini Adalah Amanah, Adalah Nikmat (Sri Diah)
- 10)Sebatang Pohon Sebuah Kolam (Mohd. Kasim Mahmud)


dan bagi Kajian Sastera pulak

- 1)Orientalisme, Pascakolonialisme dan Kepenggarangan Melayu (Kamaruddin M. Said)
- 2)Nilai dan Konsep Sastera Angkatan 21 Dipersoalkan (Mohd. Affandi Hassan)
- 3)Potensi Masa Depan Sastera Siber (Shaharom TM Sulaiman)

Jangan lupa dapatkan senaskah naaa



[melayu.com/k/
bacaansantaihanismanis-4/86](http://melayu.com/k/bacaansantaihanismanis-4/86)




TAJUK: Dendam Ratu Ular
USER: Hanis



"Sebuah novel genre magis realism yang diilhamkan dari imaginasi sendiri. Kisah ini cuba mengetengahkan betapa pentingnya sikap prihatin dan bertimbang rasa dalam sesebuah masyarakat. Segelintir manusia juga sanggup bersekongkol dengan syaitan untuk memuaskan nafsu sendiri. Saya cuba menggarapkan sebuah cerita yang bermesaj dan memberi pengajaran dalam corak yang berbeza - antara realiti dan fantasi, dan berharap ia sampai kepada pembaca. Insya-ALLAH." -ANNUR SHANANA- cetakan 1| 2013

.
 Bagi aii, novel ni memang best...menarik dan unsur suspen seram dia mmg menjadi...banyak pengajaran yang diselitkan, dan pastinya kita akan dibentuk secara tidak langsung menerusi novel ini utk menjadi lebih prihatin dan bertimbang rasa dalam hidup bermasyarakat...tahniah kepada penulis...anda memang berbakat...saya kasi 5 bintang

ps: Jangan lupa dapatkan senaskah di kedai2 buku berhampiran anda.



TAJUK: 6:20
USER: Hanis



[https://melayu.com/k/
bacaansantaihanismanis-5/87](https://melayu.com/k/bacaansantaihanismanis-5/87)


Novel yang memenangi tempat kedua bagi Pertandingan Novel Remaja, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan, 2005; karya Siti Jasmina Ibrahim.

Novel ni mmg penuh suspen...macam tgk crita Munafik part 1...haa gituwww... (macam over jaaa, hahaha, tapi serius bestttt)

Garapan yang cukup menarik, dan boleh dikatakan pengarang berjaya dalam menyuntik unsur misteri dan suspen kpd aii sebagai pembaca...bukan saja pengarang berjaya membuatkan aii tertunggu-tunggu dan ternanti-nanti akan ending cerita, tapi turut membuatkan aii merasakan debaran dan kecamukan emosi bagi setiap watak2 yg ditonjolkan...

6:20 pagi, ada rahsia yang T.E.R.S.E.M.B.U.N.Y.I.....pastikan hampa tidak terlepas utk mendapatkan satu karya ini, bagi mengetahui apakah sebenarnya jawapan kepada misteri yang berlegar dalam 6:20 ni.

Apa2 pun....novel Siti Jasmina Ibrahim ni mmg Daebakkk!
#bukubuku
#bacalah



Melayu.com

PERTANDINGAN **KARYA** KREATIF

TEMPOH PERTANDINGAN 1 OKT - 31 DIS 2020
SAJAK, PANTUN, TEKA-TEKI,
CERPEN, RESIPI DAN LAIN-LAIN

HADIAH MENARIK MENANTI ANDA!

Pemenang
1, 2 & 3
Bawa Pulang
RM100 & T-shirt
Melayu.com

Pemenang
4 & 5
Bawa Pulang
RM50 & T-shirt
Melayu.com

Pemenang
6 HINGGA 10
Bawa Pulang
T-shirt
Melayu.com


CARA PENYERTAAN

LANGKAH 1:

Daftar sebagai pengguna dan
hantar karya anda ke Melayu.com

LANGKAH 2:

Karya yang mempunyai like yang terbanyak
akan dinobatkan sebagai pemenang



TAJUK: Pusaka Cendana
USER: Hanis



[https://melayu.com/k/
bacaansantaihanismanis-6/88](https://melayu.com/k/bacaansantaihanismanis-6/88)

Menampilkan 10 buah cerpen yang berjaya dinobatkan sebagai pemenang Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2006, cerita2 di dalamnya mmg menarik...laras bahasa yang digunakan di dlm cerpen2 ni cukup segar, segar mcm suasana subuh yg belum dicemari asap enjin tapi lembab dan basah dgn embun pagi...perlambangan dan kiasan yg digunakan jugak menarik dan mudah ditangkap, namun masih licik untuk membuat kita terpikiaq ttg makna tersirat yg cuba disuratkan oleh mereka...boleh la try cari dan baca...buku yg tak memakan masa yg lama untuk dihabiskan, sbb ringkas dan padat....sesuai untuk bacaan remaja dan dewasa khususnya....

#bukubuku

#bacalah

Pilihan kegemaran aii di dalam buku ni
Cerpen 1: Warkah Wan Kembang kepada T.Pinkie (Rohani Deraman)

Cerpen 2: Matahari di Atas Sejadah (S.M. Zakir)

Cerpen 3: Pusaka Cendana (Nisah Haji Haron)

Cerpen 4: Keranda 152 (Razali Endun)

Cerpen 5: Cahaya Ogos (Muhammad Ali Atan)

Cerpen 6: Sehijau Bakau, Seteguh Cinta (Nasriah Abdul Salam)

Cerpen 7: Cinta Puncak Sagarmatha (Rozais Al-Anamy)


Cerpen 8: Mencari Gayung (Serunai Faqir)

Cerpen 9: Tembok Langit Lembah Nil (Muhd Nasruddin Dasuki)

Cerpen 10: Ke Mana Kan Kupergi (Wahba)



Ulasan Buku!




TAJUK: 6:20
USER: Iman Markisa

Buku bertajuk Iman Markisa...hasil karangan Puan Aminah Mokhtar...buku ni berkisar masyarakat di sebuah kampung bernama Kiambang yang terpecah menjadi berpuak...walaupun bangsa mereka sama Melayu, walaupun agama mereka serupa Islam...tapi sebab bongkak, merasa diri tu lagi tinggi pada yg lain, senang2 ja sebelah puak tu meletakkan satu garis sempadan pemisah yang berbunyi..."jangan ikut puak tu, itu golongan kafir...sesat...", sedangkan kalau diperati, akan jelas lagi bersuluh yg dikatakan benar tu sebenarnya dah menyimpang...tapi dibutakan mata hati oleh sikap tamak, kepentingan diri dan sikap ikut membuta tuli...di penghujung cerita...mcm biasa, yang betul akhirnya 'dimenangkan' dan yg berdusta akhirnya mendapat pembalasan.... Pesan aii pulak, kalau hampa berkesempatan...- jemput baca naa buku ni...best.



melayu.com/k/

bacaansantaihanismanis-7/89




Fotografi Pilihan!

TAJUK: Maggi
USER: muhaizi

mudah . Cepat . Sedap



melayu.com/k/maggi/114




TAJUK: Menggapai Gerhana
USER: Gentayan

Gerhana itu tanda tanya
Sirna cahaya mengundang gelita
Kugapai gerhana
Agar diam di saat itu



melayu.com/k/maggi/114

TAJUK: Termenung Sendirian | **USER:** nazhmik



Termenung bila fikirkan bilalah tuan aku ni nak bagi makanan lagi agaknya...



melayu.com/k/termenung-sendirian/123



TAJUK: Minyak Enjin Motosikal
USER: gojie

Bagi yang mampu, mungkin kualiti minyak ini akan duduk di tangga yang bawah.

Bagi saya, minyak inilah yang mampu saya perolehi dari kedai untuk EX5 saya. Hanya RM15 sebotol. Anda bagaimana?




melayu.com/k/minyak-enjin-motosikal/122



TAJUK: Kabut dan Bulan Sabit di Demak

USER: Hanis



Sekitar sinopsis di belakang buku...dengarkan~

"Keadilan sultan sahaja tidak cukup. Ketangkasan senopati sahaja tidak memadai. Demak sedang makmur, sedang menuju gemilang, dan siapa sahaja mahu mengambil bahagian daripada kemakmuran itu. Dan pergulatan kuasa selamanya menuntut lebih daripada kualiti fizik, nilai adil jujur -bahkan siasat politik.


Ini kisah kerajaan yang perkasa melebarkan pengaruhnya, yang tawaduk pemerintahnya. Kisah Demak yang mengambil tanggungjawab Malaka menancapkan bendera Islam di bumi Nusantara. Kisah pesong dendam nafsu membolot kuasa"

Kalau kisah jatuhnya Kerajaan Melaka ke penjajah Portugis 1511 kerana wujudnya duri dalam daging...Kisah Demak pula ditandai dengan wujudnya jarum dalam tumpukan jerami, apabila orang dipercayai akhirnya mengkhianati...

Tak tahu kisahnya benar atau citera yang diulit imaginasi, sebab aku bukan pembaca hikayat sejarah yang tegar utamanya dalam kisah luar negeri...maaf budak berhinggus lagi, tapi penceritaannya seronok untuk diikuti malah penamatnya pula cukup meruntun hati...tak pasti lagi sama ada orang lain turut menyertai rasa hati ini saat penutup buku diteliti...aku jenis membaca mengikut preskripsi...dari kulit depan hingga kulit belakang aku tatapi, fahami, mengikut aturan normalisasi pembaca...tiada 'skip' atau dipanggil bosan menelaah cerita berunsur berat, bahkan mungkin berlain bahasa ini...kisah bagaimana cubaan melebar, menyambung dan memperkukuh kekuasaan kerajaan dan utamanya sekali penyebaran agama dilakukan, sangat menarik sekali...tak terkecuali, sedikit roman romantis diselit penuh berseni, pergolakan dalam kerajaan, pertikaman belakang yang tak pernah terfikir sangguh dilakukan turut berjaya digarapkan penuh baik oleh Nunung Prajarto...



melayu.com/k/bacaantsantaihanismanis-8/90



TAJUK: Tak Seindah Impian
USER: Hanis



melayu.com/k/

bacaansantaihanismanis-9/91

Inilah dia buku setebal 2 ruas jari aii ituwwwNovel karya Rahman Haji Yusof ni adalah pemenang Tempat Kedua Hadiah Sako 3, bg kategori Novel Nasional tahun 2002/2007... *Tak Seindah Impian* menceritakan tentang perjuangan pejuang-pejuang Melayu sebelum merdeka yang sanggup melakukan apa sahaja demi mengecap nikmat kebebasan dari penjajahan kuasa luar iaitu British selepas berundurnya Jepun daripada Malaya...ber tunjangkan matlamat yang sama tapi meniti haluan yang berbeza, parti daripada haluan kiri seperti KMM, API dan AWAS pada mulanya mendapat tempat di hati rakyat...tapi bila perjuangan mereka mula diganggu-gugat pihak penjajah, maka pemberontakan menerusi kekerasan dan julangan senjata dilakukan, parti2 kiri mula menyatukan parti mereka dgn PKM yang berkubu kuat di dalam hutan...tapi sayang, impian menge cap kemerdekaan di Malaya tidak boleh melalui jalan kekerasan... Lalu berkuburlah perjuangan parti2 drpd haluan kiri ini...ouhh sedih¤ Apa2 pun novel ni MEMANG TERBAIK...

#stayhomeavelybody
#jgnketegaq



KATEGORI – Pantun

TAJUK: Raja Sehari Membawa Puteri

USER: Gentayan

Lancang kuning layar selatan
Buka lembaran salatus salatin
Tari disembaht kami sajikan
Zapin menorah menyambut pengantin

Selawat Rasulullah Nabi yang Satu
Menyampai amanah seluruh ummat
Hamba Raja ingin menyeru
Pantun diluah mengenal adat

Hendak berangkat ke tengah perigi
Tengah perigi di hujung tanjung
Raja Sehari membawa Puteri
Agar dikenal rakan pengunjung

Dari Pasuk berjalan kaki
Singgah diperdu pohon pelita
Syarat masuk melangkah kaki
Memohon restu Bonda tercinta



melayu.com/k/raja-sehari-membawa-puteri/II



KATEGORI – Sajak & Puisi
TAJUK: Sesaknya Fikiran
USER: Natasha

Perlukah kita menyusahkan fikiran hanya untuk memikirkan sesuatu perkara yang tidak pasti akan berlaku?

Perlukah kita menyesakkan hati hanya untuk bertanya apa yang akan terjadi sekiranya kita melakukan itu? melakukan ini?

Tidak sama sekali.

Kamu cuma perlu berwaspada dan bersiap sedia walau apa jua ujian yang bakal mendatang.

Walau apa pun perkara yang sudahpun kita rancang,

tidak semestinya ia akan terlaksana seperti yang kita harapkan kerana tuhan yang menentukan takdir dan Dia lah yang tahu apa yang terbaik.

Berdoa agar bukan sahaja kita mampu bersabar,

orang yang kita sayang juga mampu bersabar menghadapi cabaran yang diberikan.

Jika sesuatu yang berlaku itu adalah perkara yang sudahpun dijangka atau tidak,

kita perlu kuat menempuhinya,


jangan melarikan diri dari masalah kerana ia mungkin mengakibatkan masalah itu tidak dapat diselesaikan dengan lancar dan membawa masalah pada hari yang lain.



melayu.com/k/sesaknya-fikiran/108



Ulasan Buku!




TAJUK: Jalur Sinar di Cela Daun
USER: Hani

Jalur Sinar Di Cela Daun mengisahkan kehidupan sepasang suami isteri yg memulakan hidup baharu mereka sebagai peneroka di sebuah hutan yang masih belum diusik manusia...hidup yang penuh cabaran dilalui penuh kesabaran dan kecekalan oleh Dali & Tijah bersama peneroka2 lain di Kampung Tasik...demi kehidupan yang lebih baik, demi masa depan yang lebih cerah, segala kesusahan ditempuh bersama...Mereka terpaksa berpisah bilamana Dali terpaksa meninggalkan Tijah dan Dahlia, anak sulung mereka utk cuba mencari rezeki di Singapura...dan malang yg datang bertimpa2 tlh diharungi dgn mantera "keinginan, keazaman dan kekuatan hati" akhirnya berjaya membuatkan hasil spt yg dicita2, ohoho..dan pastinya cabaran akan ttp berulang dtg dlm kehidupan, tp sepetimana "sinar matahari, bila ditutup mendung atau hujan, cahaya indah itu akan hilang sekejap. Tapi selepas itu, ia akan bercahaya semula dgn terang utk mengabdi kpd dunia & manusia" Mmg sangat disyorkan naskah karya Zaharah Nawawi ini.. So, jgn lupa pi cri naa~~



melayu.com/k/

bacaansantaihanismanis-10/92




TAJUK: Bimasakti Menari
USER: Hanis

Bimasakti Menarikarya Sri Rahayu Mohd Yusop ni mmg.Betuiii tak tipu~~~sbb aii berjaya habiskan pembacaan buku ni dlm tempoh tak sampai 5 jam pun...'perghh' dia mmg tak boleh bincang...aii suka sgt sbb dia guna nama2 saintifik utk sesetengah perkataan yg menjadikan kita sbg pembaca dpt belajar sepanjang pembacaan tu...dah la dpt belajaq pasal bintang2, dpt belajaq pulak pasal kelip2, pasal skala langit gelap dan teknologi mesra hijau yg mungkin berpotensi utk direalisasikan dlm alam realiti...aii sukaaaaaa sgt(wuhoooo)...tak silap aii, buku ni jugak digunakan oleh pelajar2 menengah bagi kajian novel depa...haaa mmg sesuai sgt laa, sbb laras bahasa yg mudah, penuh maklumat dan karya yg berfikiran jauh mcm ni yg patut disuapkan pd minda anak2 muda kita, haaa gituwww... Oleh yg demikian,(chewahhh guna penanda wacana tuuu) jgn lupa pi cari satu naaa



melayu.com/k/bacaansantaihanismanis-11/93

Lorem ipsum




TAJUK: Badai Semalam
USER: Hanis

Badai Semalam karya Khadijah Ibrahim adalah naskah yg menjadi novel kajian sastera bagi geng2 thn 80-an...aii beli ni pun sbb njiang aii yg suruh cari...berbulan2 jgk la cari, dan akhirnya dpt. Buku ni cerita ttg Mazni yg suka belajaq tapi terpaksa berhenti sementara sbb nak menjaga maknya yg sakit...kesiann~ sesuai laa dgn tajuk novel ni, Badai Semalam...byk betui dugaan dan rintangan yg melatari hidup Mazni...tetapi tidak seperti biasa, kesudahannya tidak semanis yg selalunya melatari novel melayu...novel ni berkesudahan dgn penuh kekuatan dan ketabahan seorang perempuan...haaa nak tauuu?!!! jgn lupa pi la cari satu naaa...



melayu.com/k/

bacaansantaihanismanis-12/94



TAJUK: Sehingga Jatuh Matahari
USER: Hanis



melayu.com/k/

bacaansantaihanismanis-13/95

Sehingga Jatuhnya Matahari...karangan A.Shukor Harun, cetakan pertama 1974...Berkisarkan tentang kehidupan nelayan di Kampung Perapat yang sentiasa berteka-teki dgn maut apabila turun ke laut mencari rezeki...Laut, sentiasa terbuka menerima kehadiran para pencari rezeki, yg sanggup berpanas, berembun, berbintang, berbulan dan juga menggadai nyawa pabila ribut dan badai melanda...setiap kali si ayah, si abg keluar ke laut mencari rezeki, sentiasa isi rumah mula memanjat doa semoga yang bakal pulang nanti bukanlah berita duka kehilangan ahli keluarga, tetapi kepulangan kesyangan bersama hasil tangkapan yg dpt memberi sedikit keceriaan, mengisi kembali beras, gula, garam, kopi dan selainnya yg sudah tiada sisanya di dapur...tapi sampai bila harus begitu, maka adalah yg dtg mencuba nasib di negeri org, menjadi buruh kasar membina bangunan tinggi2 yg akhirnya meragut nyawa akibat terjatuh semasa memerah keringat buat anak dan isteri...tapi seorang anak muda, punya harapan utk merubah segala2nya...
#cenggini



KATEGORI – Sajak & Puisi

TAJUK: Shazlan_25

USER: SUJUD


Tangisan di dada malam
meleburkan hati dengan jiwa hina
menghamparkan selembar demi selembar
dosa-dosa.

Betapa kerdil diri ini
di sisi Allah Azza Wa Jalla
berpaut pada tali ampunan untuk bebas
dari khilaf semalam.

Dalam sujud di sejadah rindu ini
kutemui kunci keinsafan
untuk membuka pintu ketenangan.



melayu.com/k/sujud/117



Karya Pilihan!

KATEGORI – Sajak & Puisi

TAJUK: Shazlan_25

USER: AKU PENAT (Sajak Dua Kata)

Tiap hari

Aku cari

Apa cara

Hati lara

Dalam sedih

Mata pedih

Hadap tangis

Wajah bengis

Orang kutuk

Waktu suntuk

Rasa penat

Jiwa tenat

Bukan buta

Pejam mata

Hidup indah


Cukup sudah.



melayu.com/k/aku-penat-sajak-dua-kata/116



KATEGORI – Lukisan & Ilustrasi
TAJUK: Rumah Melayu Tradisional
USER: Hanis




Antara bahagian-bahagian yang terdapat pada rumah melayu tradisional yang semakin tidak dikenali oleh generasi muda...


#warisanKit



melayu.com/k/rumah-melayu-tradisional/96



Ulasan Buku!



TAJUK: Kau Kekasihku
USER: Hanis




melayu.com/k/

bacaansantaihanismanis-14/97

Kerana Kidjang, karya Radzemah Bolhassan...kisah Dayang Aisyah yang kehilangan Zahari, tunangan-nya sewaktu pelayaran dalam sebuah kapal dari Kuching ke Sarikei...diceritakan secara jelas detik-detik cemas diatas kapal, bagaimana para penumpang mula-mula digasak gelombang di tengah-tengah Laut China Selatan...kematian dan kehilangan anggota keluarga merupakan satu tampanan...Dayang Aisyah membawa haluan mencari jejak dan bayang jasad tunangan...mahu menuntut janji bagi hidup bersama membina keluarga...tapi Zahari tetap telah tiada...

Dayang kemudian mula pincang arah tuju hidupnya...dia hilang punca...dia derita batinnya, sampai dia sanggup melarikan anak orang lain sebagai ganti kesepian hidupnya, dengan berangan-angan itulah zuriat dia dan Zahari yang telah tiada...dia tinggalkan ayah dan ibunya...dia kotor-kan nama mereka, dia pisahkan anak dari keluarga asalnya...

Dan semakin berusia, dia sedar khilafnya diusia muda...dia kembali membetulkan apa yang sepatutnya...dan akhirnya diusianya mencecah angka empat puluhan, dia jumpa pasangan yang seperti Zahari layaknya...dia menatih kembali langkah demi langkah penghidupan, bersama kisah baharu yang lebih gemerlap...



Novel Pilihan!

KATEGORI – Lukisan & Ilustrasi

TAJUK: Manuskrip dari asrama

USER: Aziey_Id

MANUSKRIPT DARI ASRAMA

Semalam...

Dara Putih dijerut leher
tinggal empat beradik kepala satu

malam ini...

Hitam Paruh datang menyembah
Sang Dara Putih nanti kuseru

Sekeping mantera lama terletak rapi di atas meja usang di bucu bilik Melati Asrama Raya Kasungkawa. Manuskrip kecil itu terlihat lama tapi putih bersih tanpa habuk di atasnya.

Amida tahu bilik ini tiada penghuni tapi beroh. Dia sedia maklum mantera itu bukti roh Dara masih hidup. Tapi, Amida tidak mahu ambil tahu walaupun rakan-rakannya sibuk mencari gali kisah di sebalik Dara Putih. Pertama kali Amida menjakkan kakinya di lantai Bilik Melati, dia dapat merasakan bilik ini ada sumpahan. Tiada yang pelik apatah lagi gangguan, mungkin juga Dara Putih ini mati dalam keadaan terhormat?


Dalam kesibukan petang, Amida duduk bersimpuh di ruangan loteng asrama. Hadis tinggalan bapanya menjadi bacaannya sejak kecil. Amida malas hendak menelaah bacaan lama Pustaka Alam asrama ini. Tiada satupun yang menarik perhatiannya, semuanya tentang alam mistik. Amida tidak gemar bacaan sedemikian. Baginya, ia mungkin sekadar ilusi dan tanggapan aneh daripada si penulis.

"Tak nak join ke? Aku rasa kau patut amik tahu pasal benda ni" Asiah mula berbasa-basi, mana tahu kali ini Amida menurut. Amida tidak membalas sebaliknya hanya menggeleng laju.

"Takde faedah lah, Siah..." Amida menutup buku hadisnya. Dia memandang tajam ke arah Asiah yang sudah tarik muncung sedepa.

"Okey, ni pertama dan terakhir! Ucap Amida lalu membuntuti langkah Asiah ke ruangan bacaan Asrama Raya Kasungkawa.

Bersambung...



melayu.com/k/manuskrip-dari-asrama/119



Novel Pilihan!

Langkah Amida dihalang Cik Wati Adha. Asiah yang sudah mendahului, turut sama membantu dan memaling ke arah kelibat gadis pustakawan itu. Mereka berdua saling berpandangan. Asiah cuba menafsir raut wajahnya yang seakan tidak selesa akan kehadiran Amida.

"Kenapa, kak? Saya tak boleh masuk, ya?"

Tanya Amida penuh sopan. Wati Adha memang penjaga Pustaka Alam ini sejak tahun pertama Asrama Raya Kasungkawa ditubuhkan. Personalitinya yang tidak peramah menyebabkan penghuni asrama ini jarang mencari bahan bacaan di sini. Kecuali, sejak akhir-akhir ini, berita tentang kemunculan mantera di bilik Melati pada setiap senja di meja usang menjadi asbab Pustaka Alam menjadi tempat pelajar perempuan di sini berkumpul dan mencari maklumat tentang mantera itu.

"Nenda panggil di pejabat. Sekarang!" Dengar saja namanya disebut, Amida terus memutar-kembali perbuatannya hari ini. Aish...barangkali aku terbuat salah yang aku tak perasan kot, bisik Amida dalam hati.

keras kepada Amida. Amida bingung akan duduk sebenar motif Nenda melarangnya ke sana.

TAJUK: Manuskip dari asrama (Sambungan)
USER: Aziey_Id

"Awak tahu kan, saya tak suka orang yang pandai macam awak pergi ke perpustakaan tu. Saya tak nak awak terpengaruh dengan bahan bacaan di sana. Ingat tu!" Nenda yang merupakan pengetua di asrama itu memberi amaran keras kepada Amida. Amida bingung akan duduk sebenar motif Nenda melarangnya ke sana.

" Sepertinya, aku diintip oleh mata-matanya macam seorang pesalah pula" Bisik Amida perlahan di pendengarannya.

Amida ralat dan lupa bahawa bisikan keturunannya dapat didengar Nenda. Kata emak, keturunan nenek Amida terkena pantang mulut. Bisik apa sajalah yang baik atau buruk pasti dapat didengar oleh sesiapun. Patutlah emak memujukku untuk ke asrama ini! Amida melepaskan keluhan panjang.

"Nenda, saya cuma nak melawat Pustaka Alam. Saya rasa alasan Nenda tak reasonable disebabkan soal pengaruh. Semua orang tahu alam mistik tu memang wujud tapi ditokok-tambah saja so that nampak gempak. Is it?" Soal Amida terus. Baginya, pembacaan memanglah satu benda yang menjadi santapan minda tetapi kata-kata Nenda seolah meragui prinsip hidup seorang Amida.

"Nenda tak nak awak jadi macam dioranglah terjerit-jerit duk bercerita pasal Dara tu. Semua yang ada dalam pustaka tu memang wujud tapi Nenda tak nak awak pula yang jadi macam diorang. One more thing, Mak Asnida dah pesan, jangan bagi anak dia ni pergi Pustaka Alam. Tak elok untuk orang yang menghafal"

"Hafal apa?..." Amida termangu-mangu seketika mendengarkan kata-kata Nenda. Tak logik untuk seorang perempuan berumur 17 tahun menjadi penghafaz mantera dongeng.

"Abis tu, Ne ma Atuh Ka long Ama...?"

" Se na Emong Dara Oh si Taa" Meluncur laju jawapan dari bibirnya yang kering kehitaman itu. Dia pelik kerana seakan pernah dengar dan dia bahkan tahu jawapan pada soalan Nenda yang tidak bermakna apa.

"Nenda, apa yang saya jawab tadi?"

"Mantera yang awak hafal lah"

"Mantera apa? Saya tak tahu pulak"

"Mantera sang Dara dalam bahasa Riau"

Dengar saja jawapan Nenda, Amida terus berlari meninggalkan pejabat asrama. Bilik Melati yang merupakan bilik prep asrama itu dikuaknya perlahan. Sekeping mantera bertenggek di bucu meja usang itu. Tapi, kemanakah dakwatnya? Sebentar tadi penuh


berisi mantera, kini ia hanyalah sekeping kertas putih.

Amida membelek kertas itu berkali-kali. Nama Amida tiba-tiba muncul di atas meja usang itu setelah pandangannya mendarat ke meja itu. Dia berasa tidak nyaman seketika lalu ingin melangkah keluar apabila azan Zohor berku-mandang.

Sekali lagi dia mencuri pandang ke arah meja itu, alangkah terkejutnya apabila nama Amida bertukar goresan arang hitam. Amida segera mempercepatkan langkahnya sebelum azan Zohor menoktahkan alunan indahnya. Dalam gemuruh hatinya, Amida tahu tiada kuasa yang lebih agung dari PenciptaNya.



melayu.com/k/manuskrip-dari-asrama-1/120



Karya Pilihan!

**KATEGORI – Lukisan & Ilustrasi
TAJUK: Kekal Selamanya
USER: Naura**

ku tanam benih cinta
mekar sekuntum bunga
bernama dia

walau ku sedar
janji-janjimu
kekal sebagai mimpi

si tua di bangku usang
menggilil ketakutan
menatap adegan kejam

merah kelopak bunga
terukir janji asmara
duri-duri kecil
menusuk orang ketiga

Tajuk: Hilang asa
di lorong kecil
sendirian melangkah
ditemani bayang

Dia berkata,
"Sia-sia pengorbananku."

ku bajakan kasih
kau bajakan sayang

kaca-kaca dimata
bertaburan di jalanan
angin hadirkan diri
peluk tubuh kecilku

Tajuk: Cita-cita
Sejak dulu,
ingin ku jemput mimpi
temani ku di realiti

di bawah mentari
sabar menjadi saksi
kekal mekar mawar

Aku penat!
beban semakin berat
ku tersungkur lagi

jatuh, ku bangkit semula
cahaya itu semakin jelas
menanti aku milikinya

Tajuk: Rindu yang dulu
di bulatan ini
tersimpan memori
anak-anak kecil
berlari riang

Ku mohon pada-Mu
pimpinku berjalan
dijalan ini

di tengah jalan
langkah terhenti
tika sepasang mata
menatap aku

ukir ikrar
sehidup semati

Tajuk: Rampas
ribut menimpa bumi,
manusia khusyuk bertelingkah
merebut direbut kuasa duniawi
dahagakan harta, takhta, kuasa

kerdipannya lemahkanku
hatiku yang suci
disentuh cinta ajnabi

satu dekad berlalu
kau melangkah pergi
tinggal ku sendiri

berpedang mulut
kau toreh hati
dengan kata keji

lembut suara memanggilku
selangkah ku maju
selangkah ku mundur

ku pegang janji
kau akan kembali
setiaku menanti
kepulanganmu

Buntu!
Cita atau cinta



melayu.com/k/puisi/118



**Resipi
Pilihan!**

MEE REBUS JOHOR

User: NorainiBtJalil

BAHAN-BAHAN :

- ◆ Hidangan untuk 1kg mee kuning
- ◆ mee kuning, dicelur
- ◆ 1/2 kilo daging, dihiris halus ataupun tetel
- ◆ 4 biji keledek, direbus dan dikisar (keledek merah, tapi rasanya kalau guna keledek kuning lagi elok kerna lebih manis)
- ◆ 3 ulas bawang putih,
- ◆ 3 biji bawang besar
- ◆ 1/2 inci halia
- ◆ 1/2 cawan udang kering (lebihkan pon sedap)
- ◆ 3 batang serai
- ◆ 1 senduk cili blend
- ◆ 3 sudu makan rempah kari daging
- ◆ Garam, gula dan serbuk perasa secukupnya Minyak untuk menumis

} *blend*

BAHAN TABURAN :

- Wajib ada untuk mee rebus johor
- ◆ Tepung udang kering
- ◆ 1/2 cawan udang kering,
- ◆ 1cwn tepung gandum
- ◆ 1/2cwn tepung beras
- ◆ ¼ camt serbuk kunyit
- ◆ 1biji telur
- ◆ Garam
- ◆ Air secukupnya
- ◆ Minyak untuk menggoreng

} *blend*

BAHAN HIASAN :

- ◆ Tahu yang digoreng, dipotong kecil
- ◆ Daun sup, dimayang
- ◆ Bawang goreng
- ◆ Telur rebus, dibelah dua
- ◆ Lada hijau, dipotong bulat
- ◆ Taugeh, dicelur
- ◆ Limau kasturi, dibelah



melayu.com/k/mee-rebus-johor-cnp/109



CARA MEMASAK KUAH MEE REBUS :

Panaskan minyak,tumis bahan diblend

* & cili blend sampai naik bau,masukkan rempah kari daging dan tumis sampai pecah minyak kemudian boleh la masukkan keledek rebus yang telah diblend tadi masukkan sekali daging tetel dan masak sampai didih agak kuah masak kemudian bole la masukkan garam,sedikit perasa & gula ye pasti lan rasa kuah mestilah sedikit manis & siap lah dan bole lah dihidang

CARA MENYEDIAKAN TEPUNG UDANG KERING :

semua bahan² - di blend saje semua

Panas kan minyak,minyak harus lah banyak macam nak goreng rempeyek tu ye & cara menggoreng nye pon sama macam menggoreng rempeyek just lenserkan di tepi kuali dan goreng sampai garing kekuningan dan bole lah diangkat.

CARA UNTUK MENGHIDANG :

Hidangkan mee yang telah dicelur bersama taugeh. Tuangkan kuahnya dan kemudian hiaskan dengan tauhu goreng, daun sup, bawang goreng, telur rebus, lada hijau, limau kasturi dan tak lupa juga taburan tepung udang kering.

Sumber Fariza awalludin



**KATEGORI – Sajak & Puisi
TAJUK: Ohhh Nasi
USER: Hanis**

Nasi...
Hadirmu ku nanti...
Pergimu ku tangisi...
Enakmu masih lekat di sanubari...
Panasmu tak pernah melukai...
Sejukmu tak pernah kujemui...
Kau bintang paling tinggi...
Sentiasa terpahat di dalam hati...
Oh nasi...
Moga esok ketemu lagi...
Dan lagi...
Lagi...
Dan lagi...



melayu.com/k/malaysiaku/73

KATEGORI KARYA

TEKA-TEKI

PANTUN

SAJAK & PUISI

CERPEN

NOVEL

RESIPI

KOMIK

CERITA LAWAK

SURAT

PETUA & TIPS

ULASAN BUKU

LUKISAN & ILUSTRASI

DIALEK

FOTOGRAFI

HAIKU



SEMBANG

MENYEDIAKAN
RUANGAN DISKUSI
ILMIAH DAN BERADAB

INTRO SEMBANG

Projek Sembang bertujuan untuk mewujudkan ruangan diskusi ilmiah dan secara beradab. Perbincangan secara positif dan beradab mampu mewujudkan kumpulan dan komuniti yang mampu memberi sumbangan dan impak kepada masyarakat.

Diharapkan komuniti yang terbentuk menerusi Sembang akan melaksana pelbagai aktiviti seperti program kebajikan, kebudayaan, perkongsian ilmu, pertandingan sukan dan aktiviti riadah.





SASARAN



ROADMAP

- | | | | | | |
|--|--------|---------|--|----------|--------|
| | HANTAR | 9/2020 | | IKLAN | 1/2021 |
| | CARI | 9/2020 | | KOMUNITI | 6/2021 |
| | SOSIAL | 10/2020 | | | |

KATEGORI SEMBANG





SEMBANG BISNES BERSAMA **Norazalina Mohd Noor**

1. Boleh cerita serba sedikit tentang latar belakang Tuan/Puan?

Saya berusia 46 tahun dan sudah berkecimpung dalam dunia perniagaan yang berteraskan perkhidmatan insuran dan takaful selama 13thn. Kami mempunyai 2 pekerja tetap dan 1 smart partner di Ipoh.

Bermula dengan bekerja dalam sektor insuran 26 thn lepas, saya menimba sebanyak ilmu yang boleh ketika berkhidmat dengan syarikat insurans, broker dan agensi insurans dan takaful, di mana ketika itu bidang ini dipelopori oleh bangsa selain melayu.

Melihat potensi pasaran melayu dan dengan wujudnya syarikat-syarikat takaful sebagai alternatif kepada insurans konvensional yang ditawarkan sebelum ini, ini merupakan peluang untuk saya memulakan perniagaan sendiri.

Peluang dan kepercayaan pelanggan telah melonjakkan perniagaan saya dan juga melalui networking , yang ketika itu banyak melalui cadangan (recommendation) mulut ke mulut dari satu pelanggan ke pelanggan lain. Ketika itu tiada sebarang platform untuk mengembangkan perniagaan.

Dengan memasuki era baru di mana internet memainkan peranan penting dalam setiap jenis perniagaan / pekerjaan, dan wujudnya platform mempromosikan perniagaan, kami dapat rasakan peluang yang lebih besar dapat dikecapi oleh setiap peniaga.

2. Apa yang Tuan/Puan faham mengenai Melayu.com?

Satu online platform yang menjadi penggalak peniaga / karyawan bumiputera untuk mempromosikan perniagaan serta berkongsi pendapat dan networking.

3. Apa pendapat Tuan/Puan tentang Melayu.com?

Platform yang baik dari melayu untuk melayu


4. Pada pendapat Tuan/Puan bagaimana Melayu.com boleh membantu meningkatkan ekonomi?

Pembina jaringan perniagaan



T-SHIRT
MELAYU.COM

DAPATKAN
SEKARANG ➤



shopee.com.my/melayu.com

RUANGAN IKLAN UNTUK DISEWA | HUBUNGI KAMI DI : admin@melayu.com

ISLAM

MENINGKATKAN
KEFAHAMAN ASAS
ILMU ISLAM

INTRO ISLAM

Projek Islam bertujuan meningkatkan kefahaman Ilmu Islam memandangkan ramai antara kita yang makin menjauh dari Islam. Projek ini berhasrat untuk menggalakkan pembelajaran ilmu agama dengan format yang lebih mudah, ringkas dan menepati kehendak generasi semasa.

Pendekatan yang baru akan diambil seperti Kuliah alert, Azam untuk beramal, Ceramah pendek dan kuiz agama berbentuk games.

SASARAN



**I JUTA
PENGETAHUAN**
PELBAGAI
PENGETAHUAN



**I JUTA
PESERTA**
PELBAGAI
PROGRAM




**RM I JUTA
SETAHUN**
PENDAPATAN
PENGAJAR


ROADMAP




KULIAH
10/2020



AMAL
2/2021




KELAS
6/2021




MASJID
8/2021




QURAN
10/2021



SOLAT
11/2021



HAFIZ
1/2021



OPENSOURCE
6/2021



FUNGSI KULIAH

Senarai kuliah Carian kuliah mengikut tajuk penceramah dan tempat Senarai kuliah pilihan Wakil Masjid & Surau isi jadual kuliah

Melayu.com

Kuliah

Cari

My Aktiviti

Admin

Bisnes

Karya

Log Masuk

Daftar

Cari posts / Kuliah...

KULIAH MAGHRIB DI SURAU AR-RAUDHAH
Selasa [15 Sept 2020]

Ulumul Hadis

UST DR FAISAL ASHAARI

facebook/ArRaudhah.3.RBBangi

KELAS PENGAJIAN AL-QURAN KANAK-KANAK / Tahnihul Qira'ah Lil Syabab Wa A

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin
No. 25 Jalan Tunku Abdul Rahman

PROJEK KULIAH

Rasional projek Kuliah ialah menggalakkan orang kita menghadiri kuliah bagi menimba ilmu dan meningkatkan kefahaman Islam. Satu pangkalan data semua kuliah di masjid dan surau di seluruh negara ingin dibangunkan menerusi projek Kuliah ini.

Kebiasaan jadual kuliah dikongsi secara terhad menerusi Whatsapp, Facebook, papan kenyataan masjid dan pengumuman pada hari jumaat. Jadual kuliah ini tidak terpusat dan tiada fungsi carian, peringatan (reminder) atau notifikasi (alert) apabila sesuatu tajuk kuliah ada dianjurkan (contohnya kursus pengurusan jenazah).

Projek Kuliah dibangunkan bertujuan:

Memudahkan capaian jadual kuliah kerana biasanya dikongsi secara terhad di dalam Whatsapp, FB dan papan iklan masjid

Carian kuliah mengikut tajuk, penceramah dan tempat

Fungsi peringatan untuk pergi ke kuliah yang dibookmark

Fungsi notifikasi apabila sesuatu kuliah tersebut didaftarkan

Fungsi cross-reference iaitu pengguna Melayu.com dengan 'tidak sengaja' ternampak jadual kuliah ketika berkarya, bersembang, berbisnes dsb.

Membuka laluan kepada fungsi lain di dalam projek Islam Melayu.com seperti Masjid, Amal, Kelas dan Sedekah.

Semua wakil / AJK masjid dan surau dijemput untuk mendaftar dan memasukkan jadual kuliah masing-masing.

Rayuan oleh selemann

Saya memohon bantuan sesiapa yang dapat membantu untuk memperkenalkan kami kepada setiap Jabatan Agama Islam negeri untuk mencadangkan pelaksanaan projek Kuliah ini. Terdapat beberapa JAI Negeri yang telah melaksana projek sebegini dan kami inginkan menjalin kerjasama supaya ianya memberi impak yang lebih besar. Saya doakan Allah SWT memberi ganjaran kepada Tuan/Puan setiap kali peserta menghadiri kuliah dan mendapat ilmu yang bermanfaat. Terima kasih.

selemann@melayu.com

SEDEKAH

MENEKANKAN AMALAN
BERSEDEKAH KE ARAH
MASYARAKAT PRIHATIN

INTRO SEDEKAH

Rasional Sedekah

Projek Sedekah bertujuan untuk menekankan amalan sedekah dan mewujudkan masyarakat prihatin. Projek Sedekah akan membangunkan pelbagai fungsi yang menggalakkan bersedekah serta mewujudkan jaringan penyumbang, penerima dan sukarelawan yang berintegriti.

Projek Sedekah bermula dengan projek Barter. Barter merujuk kepada pertukaran barang atau perkhidmatan tanpa mengenakan sebarang bayaran. Hampir setiap daripada kita ada barang lama atau yang tidak digunakan lagi. Lebih baik jika barang tersebut dapat diberi kepada mereka yang memerlukan.

Melayu.com tidak mengenakan sebarang bayaran, sebaliknya semua urusan pertukaran dibuat sendiri oleh kedua-dua pihak atas persetujuan bersama.

SASARAN



**1 JUTA
TRANSAKSI**
SUMBANGAN
IKHLAS



**1 JUTA
PENERIMA**
PELBAGAI
KUMPULAN SASAR



**RM 1 JUTA
SETAHUN**
AGIHAN
SUMBANGAN

ROADMAP

BARTER
11/2020

PERLU
3/2021

DIREKTORI
6/2021

PROJEK
9/2021

KASIH
1/2022

MARUAH
6/2022

WAKAF
9/2022




FUNGSI BARTER

Iklan barter
daripada pengguna

Senarai aktiviti
 - Barter yang di hantar
 - Tawaran yang dihantar

Isi & hantar maklumat
barang yang ingin di barter



LANGKAH MUDAH UNTUK SERTAI **BARTER**



HANTAR BARTER

- ISI MAKLUMAT
- HANTAR KELULUSAN



PILIH TAWARAN


- PEMILIK SAHKAN BARTER YANG BERMINAT
- MENGATUR PERTEMUAN UNTUK BARTER



BARTER SELESAI

- SEDEKAH MEMBAWA BERKAT

BARTER



Admin : Wainnaa

Nama Barter / Item : Buku Arab

Keterangan :

1. Kitab Tafsir Fi zilaa lil Quran
 2. Kitab Manhaj Nabawiyyah
- Semua (Used Book)

Kaedah : Mesti Barter



Admin : khairulamri

Nama Barter / Item : Kipas Panasonic

Keterangan :

- ▶ Kipas jenama Panasonic yang masih elok. Tidak digunakan lagi kerana tiada tempat untuk diletakkan.
- ▶ Keutamaan diberi kepada Anak Yatim, Ibu Tunggal, Rumah Kebajikan dan mereka yang sangat-sangat memerlukan.

Kaedah : Mesti Barter

TERKINI



Admin : khairulamri

Nama Barter / Item : Baby Carrier + Car seat

Keterangan :

- ▶ Baby Carrier + Car seat jenama Maxi-Cosi yang masih elok. Tidak digunakan lagi kerana anak sudah besar. Keutamaan diberi kepada Anak yatim, Ibu Tunggal, Rumah Kebajikan dan mereka yang sangat-sangat memerlukan.
- ▶ Sedikit comot kerana disimpan dalam stor. Tetapi boleh dibasuh dan dibersihkan.

Kaedah : Beri Percuma

Admin : fawii

Nama Barter / Item : T-shirt Melayu.com

Keterangan:

- ▶ T-shirt Exclusive Melayu.com with printed plastic bag
- ▶ brand New
- ▶ Cotton Combed
- ▶ Unisex Size : S / M / L / XL / XXL / XXXL

Kaedah : Mesti Barter



Anda mempunyai barang lama yang ingin disedehkan atau barter?

Hantarkan menerusi projek barter melayu.com

MAKLUMBALAS PENGGUNA MELAYU.COM



OTHMAN

“Pada pendapat saya program barter ini sangat bermanfaat. Saya dapat mengelakkan pembaziran sekaligus dapat membantu orang sekeliling”



PEJAL

“Kalau aku projek mcm ini ok sangat jadi anak muda boleh kembangkan bakat diaorang. cuma bagi aku buku atau karya tu berbentuk dan digital yang boleh di access di telefon lagi ok. sebab semua lapisan boleh baca”



HANI

“Usaha yang sangat bagus. bagi berjalan lah projek ni, boleh senangkan orang yang nak cari kuliah dan cari ilmu tentang islam”

Imbas OR code atau layari website kami di Melayu.com dan beri pendapat, maklumbalas dan komen anda menerusisoal selidik projek Melayu.com.



SURVEY
MELAYU.COM



SURVEY
BISNES



SURVEY
KARYA

anda punya
artikel untuk
dikongsi?

KONGSI ARTIKEL

ANDA DI

admin@melayu.com

Semoga ilmu yang dikongsi akan memberi
manfaat dunia dan akhirat



Susu Kambing Segar Bangi

NARIN Susu Kambing

0139850225

FB/IG: @susukambingsegarbangi

DAPUR
CHE' TEH



Gulai Nasi Dagang EXPRESS

MUDAH • CEPAT • SEDAP

Bahan-bahan

Bawang merah, bawang putih, halia, lengkuas, kunyit, rempah nasi dagang, santan, asam keping, cili kering, garam dan gula, belacan, biji halba dan nisan kerek

Berat : 420gm

Harga : RM 18 (sm)

Saiz Hidangan : 4-5 Orang

Cara Penyediaan

- Masukkan 250ml air, PES Ekspress, ikan kukus, cili api (10 tangkai) dan cili merah (2 tangkai) ke dalam periuk.
- Rebus sehingga mendidih selama 10-15 minit.
- Sedia untuk dihidang

- 2/3 keping ikan tongkol, air separas ikan, 1 sudu teh gula, 1/2 sudu teh garam, 3 keping asam keping dan 3 sudu teh cuka direbus didalam periuk sehingga ikan masak (10 minit)

Penyediaan Ikan Kukus




013-984 0225



Dapur Che' Teh

DECIDE ON YOUR OWN
CHOCO JAR CRISPY
WITH TOPING

@Choco_taiping



FLAVOR
• CHOCO
• STRAWBERRY
• WHITE CHOCO

RM 10
Only



Contact us :

ws : 011-5184 5861

ig : choco_taiping



CHOCO CRISPY

BAGAIMANA ANDA BOLEH MEMBANTU MELAYU.COM?

UMUM

- Mengedarkan Majalah Melayu.com menerusi Whatsapp, Email, dsb.
- Mendaftar sebagai Pengguna (Percuma)
- Memberi sokongan kewangan dengan membeli T-shirt rasmi Melayu.com (Shopee)

BISNES

- Mendaftarkan perniagaan anda di Melayu.com (Daftar)
- Membantu mendaftarkan perniagaan orang lain (Sukarelawan Bisnes)
- Menghantar post / iklan bisnes anda (Post & Feed)
- Mendaftar produk / perkhidmatan anda (Produk)
- Mengiklankan kerja kosong (Kerja)

KARYA

- Membaca karya yang dihantar dan memberi maklumbalas (Like, Bookmark, Flag)
- Memberi komen dan kritikan karya (Komen)
- Menghantar karya sastera (Sajak, Pantun, Novel, dsb) dan karya kreatif (Komik, Fotografi, Lukisan & Ilustrasi dsb) (Hantar Karya)
- Berkongsi karya menerusi FB, IG & Twitter (Share Karya)

SEMBANG

- Mencipta topik di Sembang (Hantar Topik)
- Menyertai diskusi di Sembang (Balas Topik)
- Membaca topik yang dihantar dan memberi maklumbalas (Like, Bookmark, Flag)

ISLAM

- Wakil Masjid & Surau mendaftar sebagai pengguna (Daftar Pengguna)
- Memohon sebagai wakil / moderator Masjid & Surau (Hubungi Kami)
- Menghantar jadual Kuliah (Hantar Kuliah)
- Bookmark kuliah yang ingin dihadiri (Bookmark Kuliah)
- Menerima Alert sehari sebelum kuliah (My Aktiviti)

SEDEKAH

- Hantar barang / item yang anda ingin Barter / beri percuma
- Mohon sebarkan kepada mereka yang memerlukan termasuk Rumah Kebajikan / Persatuan / NGO

**Sebarang pertanyaan dan candangan, boleh hubungi kami di
admin@melayu.com**



www.Kometsoft.com.my | info@Kometsoft.com.my

01

SYSTEM DEVELOPMENT

Enterprise Web Application
Enterprise Rating and Audit System
Online Applications Processing

MOBILE APP DEVELOPMENT

Native App
Hybrid App
Secure PDF Distribution

02

03

COACHING & TRAINING

App Development Training
& Coaching
Transfer of Technology

INTEGRATION SERVICES

FPX, Big Data, Legacy Systems,
Active Directory, Web Services

04

05

SPECIALIZED SOLUTIONS

Call Center
Customer Relationship Management (CRM)
Microsoft Excel Plug-ins



Solution Partner

Expert Application Developer | Since 2003 | Locally Owned | Local Employees | 200+ Successful Projects

RUANGAN IKLAN UNTUK DISEWA | HUBUNGI KAMI DI : admin@melayu.com